



JABATAN PERDANA MENTERI

Aras -1, Setia Perdana 8,
Kompleks Setia Perdana
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62502 Putrajaya
Tel : 03-8000 8000 Faks : 03-8888 3106
Laman web : www.jpm.gov.my

JPM-PR-2023-04 (3)

SIARAN MEDIA

UCAPAN TAHNIAH DAN SELAMAT DATANG KEPADA TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (PENGURUSAN) JABATAN PERDANA MENTERI BAHARU

Seluruh warga Jabatan Perdana Menteri (JPM) merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada YBhg. Datuk Abd Shukor bin Mahmood atas pelantikan sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) [TKSUP], JPM yang berkuatkuasa pada 7 Februari 2023.

Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang dengan Kepujian dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), YBhg. Datuk Abd Shukor bin Mahmood, 54 tahun telah berkhidmat dalam perkhidmatan awam selama 29 tahun dan berpengalaman luas khususnya dalam bidang Pengurusan Sumber Manusia.

Beliau memulakan perkhidmatan sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) mulai tahun 1994 dan merupakan Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang selama hampir 1 tahun sebelum dilantik ke jawatan ini. Beliau pernah berkhidmat di beberapa Kementerian/Jabatan/Agensi seperti Kementerian Kesihatan Malaysia, Jabatan Perkhidmatan Awam, Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan, Parlimen Malaysia, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah serta Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia.

Semoga pengalaman, kemahiran dan kepimpinan YBhg. Datuk Abd Shukor bin Mahmood akan dapat membantu meneruskan kecemerlangan JPM selaras dengan aspirasi rakyat dan negara.

Selamat datang dan tahniah sekali lagi diucapkan kepada YBhg. Datuk Abd Shukor bin Mahmood atas pelantikan sebagai TKSUP, JPM.

###

**JABATAN PERDANA MENTERI
PUTRAJAYA
7 FEBRUARI 2023**

Untuk maklumat lanjut berkaitan kenyataan media ini sila hubungi Unit Komunikasi Korporat, Jabatan Perdana Menteri di talian 03- 8872 3437 / 03-8872 3502